



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENGGUNAAN IMBUHAN –I DAN –KAN DALAM NOVEL  
PERLUMBAAN KEDUA DAN JULIA**

**KHUSHAIRI BIN FADZAL**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KERTAS PROJEK DIKEMUKAKAN BAGI  
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI  
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI BAHASA**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

7 JUN 24

**KHUSHAIRI BIN FADZAL**

2002 - 00519

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha pengasih, terlebih dahulu saya memanjatkan setinggi-tinggi syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya kertas projek ini dapat disempurnakan dalam masa yang telah ditentukan. Jutaan terima kasih kepada semua tenaga akademik Fakulti Bahasa, Universiti Sultan Idris, khasnya kepada penyelia saya iaitu, En. Mohd. Idris bin Mohd Radzi yang sentiasa memberi bimbingan dan tunjuk ajar dengan sepenuh hati tanpa rasa jemu. Tidak lupa, juga ucapan terima kasih kepada rakan-rakan sekursus yang banyak memberikan sumbangan idea, nasihat dan dorongan bagi menyiapkan kertas projek ini. Tidak ketinggalan saya merakamkan sekalung budi yang tidak terhingga kepada ayah, Fadzal bin Abdullah, ibu, Hasmah binti Mohd Sham juga isteri tercinta, Hamidah binti Mohd Amin yang sentiasa memberi sokongan dan mendoakan kejayaan saya. Terima kasih kepada anak-anak, Nur Nashrah, Muhammad Afiq, Muhammad Hadif dan Muhammad Danish yang memahami kesibukan saya. Pengorbanan semua pihak yang tidak ternilai itu semoga akan mendapat rahmat daripada Allah s.w.t. Akhirnya, saya amat berharap agar usaha yang sekecil ini akan memberi manfaat yang besar kepada golongan pendidik, Pusat Perkembangan Kurikulum, dan seterusnya Kementerian Pendidikan Malaysia dalam mengorak langkah untuk memartabatkan sistem pendidikan bertaraf dunia, khususnya dalam bidang pengajaran Bahasa Melayu.

 05-4506832  
Sekian, wassalam.

## ABSTRAK

Pada tahun 2000 Kementerian Pendidikan telah menetapkan Komponen Kesusasteraan Melayu (KOMSAS) akan menjadi sebahagian daripada mata pelajaran Bahasa Melayu. Melalui pengajaran KOMSAS ini pelajar akan dapat mempelajari bidang interpersonal, bidang maklumat dan estetik. Mengikut sukatan baru ini penumpuan pada bidang-bidang ini membolehkan para pelajar menggunakan bahasa Melayu secara berkesan dalam kehidupan harian, bidang pekerjaan dan sebagai bahasa ilmu. Walaupun tujuan pengajaran KOMSAS kepada pelajar mempunyai tujuan yang baik, tetapi ada perkara-perkara yang perlu diperhatikan terhadap teks KOMSAS ini. KOMSAS merupakan karya kreatif yang mempunyai kelonggaran dalam aspek tatabahasa. Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk memperoleh maklumat tentang penggunaan imbuhan *-i* dan *-kan* dalam novel Perlumbaan Kedua dan novel Julia. Maklumat yang akan dikumpul nanti, adakah penggunaan imbuhan *-i* dan *-kan* dalam novel tersebut menepati hukum tatabahasa. Karya sastera kebiasaannya kurang menitikberatkan unsur tatabahasa dalam penulisannya. Keindahan bahasa dan maksud yang ingin disampaikan menjadi fokus utama. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat kekerapan penggunaan imbuhan *-i* dan *-kan*. Daripada kekerapan imbuhan tersebut pengkaji akan mengklasifikasikan penggunaan maksud kausatif, benefaktif dan lokatif. Dengan ini pembaca akan dapat membezakan penggunaan imbuhan *-i* dan *-kan*. Kesalahan tersebut mungkin berbentuk menambah atau meninggalkan imbuhan pada perkataan tertentu. Selain daripada itu pengkaji cuba untuk mencari sekiranya terdapat ayat transitif aktif atau ayat pasif yang tidak tepat. Kesalahan-kesalahan yang mungkin timbul dalam novel yang dikaji dikhuatiri akan menyebabkan pelajar terpengaruh dengan kesalahan tersebut. Kajian ini diharapkan akan dapat dimanfaatkan oleh guru dan pelajar untuk meningkatkan lagi penguasaan bahasa Melayu.

## ABSTRACT

In 2000, the Education Ministry has decided to implement the Malay Literature Component to be a part of the Bahasa Melayu subject. In learning KOMSAS students will learn interpersonal, informatics and aesthetic. According to this syllabus concentration in this areas could initiate students to use the Malay language effectively in their daily lives, work and also as educational language. Although the objective of teaching KOMSAS to students is good, there are areas in the text that should be scrutinised. These creative pieces have rather imperfect grammar. This research is done to gather the information on the uses of suffixes *-i* and *-kan* in these novels are correct grammatically. Literary products do not usually emphasise on grammar, instead the forms would be more on the beauty of the language itself. This research will also look into frequency of the usage of the suffixes *-i* and *-kan*. From this frequency the researcher will also classify the meaning of causative, benefactive and locative. With this the readers would be able to differentiate the usage of the suffixes *-i* and *-kan*. This research is also done to investigate if there are errors in the usage of *-i* and *-kan*. The error could be in adding or neglecting the suffixes on certain words. Apart from that, the researcher tries to find if there are active transitive verbs and passive transitive verbs which are used incorrectly. Students might be influenced with these errors that arise in these novels. This research is hoped to be beneficial to teachers and students to upgrade their command in Bahasa Melayu.

## KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
SENARAI JADUAL	vi
BAB I	PENDAHULUAN
1.1	Latar Belakang 1
1.2	Penyataan Masalah 2
1.2.1	Ciri-Ciri Bahasa Karya Sastera 3
1.2.2	Faktor Penggunaan Buku Teks KOMSAS 5
1.2.3	Mengajar Tatabahasa Melalui Sastera 7
1.3	Objektif Kajian 8
1.4	Soalan Kajian 9
1.5	Kepentingan Kajian 9
1.6	Batasan Kajian 11
1.7	Definisi Operasional 12
1.7.1	Novel 12
1.8	Kesimpulan 13
BAB II	KAJIAN LITERATUR
2.0	Pengenalan 15
2.1	Kepentingan Teks KOMSAS dalam Pengajaran Bahasa 17
2.2	Pendapat Ahli Bahasa Tentang Imbuhan <i>-i</i> dan <i>-kan</i> 19
2.2.1	Pendapat Za'ba 19
2.2.2	Tatabahasa Dewan 21
2.2.3	Pendapat Asmah Hj. Omar 22
2.2.4	Pendapat Abdullah Hassan 23
2.2.5	Tata Bahasa Baku Bahasa Indonesia 24
2.2.6	Pendapat Gorys Keraf 25
2.2.7	Pendapat J.S. Badudu 27
2.3	Kesimpulan 28
2.4	Kerangka Teori 29
2.4.1	Fungsi Kausatif 29
2.4.2	Fungsi Benefaktif 30
2.4.3	Fungsi Lokatif 30

## Halaman

	2.5 Perbezaan Imbuan <i>-i</i> dan <i>-kan</i>	31
BAB III	METODOLOGI	
	3.0 Pengenalan	37
	3.1 Reka Bentuk Kajian	37
	3.2 Sampel Kajian	38
	3.3 Memilih Teks	38
	3.3.1 Novel Perlumbaan Kedua	38
	3.3.2 Novel Julia	40
	3.4 Instrumen Kajian	41
	3.5 Pengumpulan Data	42
	3.6 Analisis Data	43
	3.7 Rumusan	45
BAB IV	ANALISIS DAN INTERPRETASI DATA	
	4.0 Pengenalan	46
	4.1 Keputusan Dapatan	47
BAB V	RUMUSAN DAN CADANGAN	
	5.0 Pengenalan	57
	5.1 Rumusan	57
	5.2 Penggunaan Imbuan <i>-i</i> dan <i>-kan</i> dalam Novel	58
	5.3 Cadangan	60
	5.3.1 Kepentingan Bahasa Melayu dalam Pendidikan	60
	5.3.2 Peranan Karya Sastera dalam Pengajaran Bahasa Melayu	66
	BIBLIOGRAFI	69
	LAMPIRAN A	71
	LAMPIRAN B	72
	LAMPIRAN C	73
	LAMPIRAN D	74
	LAMPIRAN E	75
	LAMPIRAN F	100

## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Nama Jadual	Halaman
1.1	Jumlah karya KOMSAS dala Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Satu hingga Lima.	6
2.1	Kata kerja Transitif dan Objek yang Menyambut.	31
4.1	Kekerapan Penggunaan Imbuhan <i>-i</i> dan <i>-kan</i> dalam Novel Julia dan Perlumbaan Kedua.	47
4.5	Peraturan Penggunaan Imbuhan <i>-i</i> dan <i>-kan</i> .	48
4.3	Jumlah Imbuhan yang Membawa Makna Kausatif, Benefaktif dan Lokatif.	51
4.4	Peraturan Makna Kausatif, Benefaktif dan Lokatif.	52
4.5	Kekerapan Penggunaan Kata Kerja Transitif Aktif dan Pasif.	54
4.6	Peraturan Penggunaan Kata Kerja Transitif Aktif dan Pasif.	54



## BAB I

### PENDAHULUAN

#### 1.0 Latar Belakang

Perkara 152, para 1 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu menyatakan bahawa bahasa kebangsaan adalah bahasa Melayu dan ditulis dalam bentuk tulisan yang ditentukan oleh Parlimen. Sebagai bahasa kebangsaan negara yang baru dan berdaulat, bahasa Melayu telah menjadi bahasa rasmi negara, bahasa pentadbiran dan bahasa perhubungan awam. Selain itu, secara peringkat demi peringkat, bahasa Melayu diangkat menjadi bahasa pengantar di sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi sejak tahun 1957 ( Awang Sariyan. 1984:1 ).

Sebagai bahasa pengantar persekolahan dan pengajian, bahasa Melayu amat tinggi martabatnya. Bahasa Melayu diangkat menjadi bahasa ilmu dan bahasa perhubungan baik secara lisan mahupun secara bertulis. Justeru, bahasa Melayu mestilah dikuasai oleh para pelajar. Perihal pentingnya penguasaan bahasa di kalangan pelajar di peringkat sekolah menengah turut dinyatakan dalam sukatan Pelajaran Bahasa Melayu ( 1987 ), dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah ( KBSM ), iaitu pendidikan Bahasa Melayu

Sekolah Menengah akan terus meningkatkan penguasaan kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis dengan memupuk kepekaan terhadap variasi bahasa dalam pelbagai situasi dan disiplin.

Penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar di peringkat sekolah menengah sepatutnya tidak lagi menjadi masalah. Ini kerana sejak 1983 penggunaan bahasa Melayu baku dalam pendidikan baik di peringkat sekolah rendah atau menengah telah dapat dilaksanakan dengan baik. Bahasa Melayu sudah berfungsi sebagai bahasa pengantar ilmu serta dapat mengungkapkan dan menghuraikan konsep ilmu yang abstrak dengan jelas. Bahasa Melayu sudah mampu berfungsi sebagai bahasa akademik dan lengkap dengan laras-laras bahasa, perbendaharaan kata dan istilah untuk memperkatakan pelbagai hal baru dalam bidang ilmu yang lain (Abdul Hamid Mahmood, 1993 : 75 )

Selain itu pelajar perlu menguasai kecekapan berbahasa dan ketepatan berkomunikasi dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah. Dengan diperkenalnya persijilan terbuka peringkat Sijil Pelajaran Malaysia ( SPM ) mulai tahun 2000 setiap pelajar diwajibkan lulus mata pelajaran Bahasa Melayu. Ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu sangat penting dan harus dikuasai dengan baik oleh semua pelajar.

### 1.1 **Penyataan Masalah**

Mulai bulan Januari 2000 semua pelajar tingkatan 4 dan 5 yang bakal menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia perlu diajarkan Komponen Sastera ( KOMSAS )

yang diselitkan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Dalam Komsas ini pelajar akan diajarkan prosa tradisional dan moden, puisi tradisional dan moden, drama serta novel.

Berdasarkan bahan KOMSAS tersebut guru bukanlah mengajarkan sastera kepada pelajar, tetapi mengajarkan Bahasa Melayu dengan menggunakan bahan sastera tersebut. Semasa mengajarkan tatabahasa atau kefahaman guru boleh menggunakan teks KOMSAS tersebut sebagai bahan bantu mengajar. Contohnya guru boleh mengambil teks KOMSAS untuk pengajaran tatabahasa termasuk penggunaan imbuhan, membina ayat dan membetulkan ayat serta mengenal jenis dan ragam ayat ( Amiruddin Md. Hanafiah, 2000 ).

Menurut Rachmat Djoko Pradopo ( 1990 ), karya sastera merupakan karya kreatif yang berupaya menyampaikan kenikmatan seni yang khusus, bahkan merupakan puncak kenikmatan seni sastera. Karya sastera tidak terikat kepada bentuk tatabahasa kerana yang penting adalah maksud yang ingin disampaikan kepada pendengar atau pembaca. Oleh itu pengkaji ingin mengkaji ketepatan penggunaan imbuhan –I dan –kan yang terdapat dalam novel pelajar tingkatan 4 dan 5. Oleh kerana perbincangan dalam hal ini agak luas pengkaji akan membincangkannya berdasarkan tajuk-tajuk kecil di bawah:

### 1.1.1 Ciri-Ciri Bahasa Karya Sastera

Karya sastera merupakan hasil seni yang dapat menyampaikan fikiran penulis kepada pembaca melalui karya mereka. Dalam penulisan karya kreatif, penulis lebih mementingkan isi yang hendak disampaikan berbanding dengan penggunaan bahasa yang

betul. Penyimpangan bahasa yang berlaku dalam penulisan karya kreatif berlaku tanpa disadari dan adakalanya penyimpangan ini sengaja dilakukan untuk menimbulkan keindahan dalam bahasa tersebut. Sajak, contohnya lebih mementingkan keberkesanan pengucapan perasaan melalui pemilihan dan pemakaian kata-kata yang saling menumpang dan terjalin menurut erti dan irama.

Sastera dengan pengertiannya sebagai hasil kreativiti kebahasaan yang istimewa merupakan salah satu wadah bahasa yang penting. Slametmuljana ( 1966 ) merumuskan dua ciri utama bahasa sastera. Pertama, setiap kata yang digunakan dalam ciptaan sastera ialah kata berjiwa, iaitu kata yang mengandungi nafas penciptanya. Berbeza dengan kata-kata yang terdapat dalam kamus yang berupa bahan mentah. Kata-kata dalam karya sastera merupakan kata-kata yang terpilih, sesuai dengan maksud yang hendak disampaikan oleh pengarang. Dalam hubungan ini didapati bahawa diksi atau pemilihan kata menjadi soal yang penting sekali, baik dalam penciptaan prosa mahupun puisi.

Menurut Awang Sariyan ( 2000 ) penganjur sastera berpendapat persoalan bahasa yang baik dan bahasa yang buruk tidak timbul dalam penulisan sastera, kerana sasterawan memiliki *poetic licence*. Dikatakan juga bahawa bahasa sastera bukan semestinya bahasa yang baik-baik sahaja. Bahasa yang buruk memang disengajakan oleh setengah-setengah pengarang untuk menimbulkan kesan tertentu, atau untuk menimbulkan keindahan.

Baha Zain ( 1973 ) menjelaskan, biar bagaimana kreatifnya seseorang penulis, ia tidak pula dapat memperlakukan bahasa dengan sewenang-wenangnya. Dia tidak boleh

menyimpang jauh daripada pola-pola bahasa yang diterima oleh masyarakat. Malah Sasterawan Negara Keris Mas dengan tegas mengatakan:

... penggunaan kata-kata yang tidak tepat, stail yang keinggerisan dan ayat-ayat yang tidak lengkap serta pemakaian penambahan yang salah dan lain-lain lagi ... menjadi cacat bagi karya sastera walaupun isinya baik, plotnya baik, temanya baik dan lain-lain semuanya baik. ( 1963 )

... saya tidak setuju kesalahan-kesalahan bahasa dikatakan stail. Tiap-tiap stail baru itu berpunca dari cara berfikir yang baru. Tetapi kesalahan memilih kata-kata hingga menerbitkan kekeliruan maksud bukanlah menyatakan fikiran yang tegas, sebaliknya menyatakan fikiran yang kelam-kabut. Kesalahan aturan-aturan bahasa hingga mengikut aturan-aturan bahasa Inggeris bukanlah stail yang menunjukkan ketegasan fikiran, melainkan betapa tidak teraturnya fikiran itu dinyatakan atau betapa keinggerisannya cara kita berfikir .... ( 1963 )

Usaha dan tindakan yang bersepadu perlu dilaksanakan untuk meningkatkan mutu bahasa Melayu dalam kalangan pelajar. Pihak perancang dan pihak berkuasa perlu mengambil langkah-langkah yang tegas, serius, dan berkesan untuk mengembangkan konsep dan bentuk bahasa Melayu baku. Karya sastera yang dijadikan teks KOMSAS di sekolah sebaik-baiknya bebas daripada penyimpangan bahasa kerana pelajar masih belum cukup ilmu tentang tatabahasa untuk menolak penyimpangan yang berlaku dalam teks KOMSAS.

### 1.1.2 Faktor Penggunaan Buku Teks Komsas

Kementerian Pendidikan telah menetapkan pengajaran KOMSAS yang akan diajarkan mestilah berpandukan buku teks yang telah ditetapkan. Guru-guru wajib menggunakan

teks tersebut sebagai bahan pengajaran di dalam kelas. Buku teks KOMSAS tersebut mengandungi novel, cerpen, drama, puisi moden dan tradisional serta prosa tradisional.

Buku teks KOMSAS tersebut sedikit sebanyak akan mempengaruhi pelajar baik dari segi tatabahasa ataupun gaya bahasa. Menurut Nik Safiah Karim ( 2002 ) salah satu aspek keindahan karya sastera dicapai melalui susunan bahasa yang luar biasa dan menyentuh perasaan. Keindahan bahasa karya sastera ini diharapkan jangan sampai mencemarkan bahasa kerana ia akan mempengaruhi pelajar.

Jadual 1.1

Jumlah Karya KOMSAS dalam Pelajaran Bahasa Melayu  
Tingkatan Satu Hingga Lima

Genre	Ting.1	Ting.2	Ting.3	Ting 4	Ting.5	Jumlah
Novel	1	1	1	1	1	5
Cerpen	6	6	6	6	6	30
Drama	3	3	3	3	3	15
Puisi Moden	6	6	6	6	6	30
Puisi Tradisional	6	6	6	6	6	30
Prosa Tradisional	4	4	4	4	4	20
<b>Jumlah</b>	<b>26</b>	<b>26</b>	<b>26</b>	<b>26</b>	<b>26</b>	<b>130</b>

Berdasarkan jadual di atas pelajar perlu mengkaji 130 karya sastera sepanjang tempoh belajar daripada tingkatan 1 hingga tingkatan 5. Sekiranya karya sastera yang dijadikan teks ini mempunyai penyimpangan bahasa yang terlalu banyak dikhuatiri pelajar akan terpengaruh dan menggunakan bahasa yang salah itu dalam penulisan. Ini akan merugikan pelajar itu dan penggunaan bahasa Melayu baku akan menjadi lemah.

### 1.1.3 Mengajar Tatabahasa Melalui Sastera

Kertas Bahasa Melayu Sijil Pelajaran Malaysia ( SPM ) 2001 telah beranjak daripada format lama kepada satu format baru sesuai dengan perubahan yang berlaku dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah yang dikeluarkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum ( PPK ) pada awal tahun 2000. KOMSAS menjadi sebahagian daripada perkara yang diberi perhatian utama dalam sukatan pelajaran. Tiga bidang utama itu adalah bidang interpersonal, bidang maklumat, dan bidang estetik.

Penumpuan dalam bidang interpersonal membolehkan para pelajar menggunakan bahasa Melayu secara berkesan dalam kehidupan harian, ketika bekerja dan sebagai bahasa ilmu. Bidang maklumat pula merujuk kepada keupayaan murid memperoleh dan menyampaikan maklumat serta ilmu. Pelajar diharapkan akan dapat mendengar, berbual, membaca, serta mengakses maklumat daripada multimedia. Bidang estetik berfokus pada keupayaan murid menguasai aspek kebahasaan, keindahan, dan kehalusan bahasa.

Banyak teknik pengajaran bahasa Melayu yang boleh dilakukan oleh guru dengan menggunakan bahan KOMSAS. Contohnya guru boleh meminta pelajar supaya mengenal pasti bentuk kata yang terdapat dalam puisi . Pelajar boleh diminta supaya mencari kata tunggal, kata terbitan, kata ganda atau kata majmuk. Dengan ini proses pengajaran akan lebih menarik kerana pelajar menggunakan karya kreatif dalam proses pembelajaran. Tetapi, perlu diingat bahawa pilihan bahan yang sesuai merupakan aspek yang sangat penting. Tidak semua karya kreatif mengandungi unsur-unsur bahasa yang sesuai untuk pengajaran bahasa. Guru hendaklah menggunakan kebijaksanaan sewaktu memilih bahan.

Pengkaji berasa kajian tentang penggunaan imbuhan *-i* dan *-kan* berdasarkan novel Perlumbaan Kedua dan Julia perlu dilakukan untuk mengesan kesalahan penggunaan imbuhan tersebut. Hasil kajian ini akan dapat digunakan oleh guru dan pelajar sebagai panduan dalam pengajaran dan pembelajaran.

## 1.2 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk mengesan ketepatan penggunaan imbuhan *-i* dan *-kan* dalam novel Perlumbaan Kedua dan novel Julia. Selain itu, objektif kajian ini adalah untuk mencari aspek makna imbuhan *-i* dan *-kan*. Aspek makna ini boleh terdiri daripada makna kausatif, benefaktif dan lokatif. Setiap aspek ini akan membawa makna yang berbeza.

Pengkaji juga ingin melihat penggunaan kata kerja transitif aktif dan kata kerja transitif pasif dalam novel ini berdasarkan ayat yang menggunakan imbuhan *-i* dan *-kan*. Objektif yang terakhir dalam kajian ini adalah untuk mengesan kekeliruan penggunaan imbuhan *-i* dan *-kan* berdasarkan novel yang dikaji. Kekeliruan penggunaan imbuhan ini boleh berupa penyimpangan penggunaan imbuhan *-i* dan *-kan*, memberi imbuhan *-i* dan *-kan* pada tempat yang tidak sepatutnya atau memberi imbuhan kepada perkataan yang tidak memerlukan imbuhan.



### 1.3 Soalan Kajian

Kajian ini cuba menjawab soalan-soalan berdasarkan objektif kajian yang telah dinyatakan. Oleh itu soalan yang berikut dikemukakan:

1. Berapakah kekerapan penggunaan imbuhan *-i* dan *-kan* yang digunakan dalam novel Perlumbaan Kedua dan Julia ?
2. Apakah makna yang ingin disampaikan dalam imbuhan *-i* dan *-kan* berdasarkan novel yang dikaji ?
3. Sejauh manakah pengarang menggunakan imbuhan *-i* dan *-kan* sebagai kata kerja transitif aktif dan pasif dengan betul ?
4. Adakah terdapat kekeliruan penggunaan imbuhan *-i* dan *-kan* dalam novel yang dikaji ?

### 1.4 Kepentingan Kajian

Dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah, tatabahasa menjadi suatu komponen penting dalam pengajaran bahasa. Dalam Buku Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu tingkatan empat ada dicatatkan bahawa tatabahasa hendaklah dijadikan dasar kecekapan berbahasa dan diajarkan secara terancang untuk ketepatan berbahasa. Ini selaras dengan Akta Pelajaran 1961 yang berasaskan Penyata Razak 1956 dan laporan Rahman Talib 1960 bertujuan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan kebangsaan dan seterusnya menjadi alat untuk mewujudkan perpaduan kebangsaan.

Hasil kajian ini akan dapat dijadikan panduan oleh para pelajar untuk membezakan antara penggunaan bahasa dalam karya kreatif dan penulisan ilmiah. Para pelajar juga diharapkan dapat mengesan penggunaan tatabahasa yang salah terutama imbuhan *-i* dan *-kan* dalam sesuatu penulisan. Kajian ini juga penting kepada guru-guru untuk merancang bentuk pengajaran tatabahasa yang terancang agar kelemahan-kelemahan yang dihadapi oleh pelajar dapat diatasi, berlandaskan kurikulum yang telah dibentuk oleh Kementerian Pendidikan.

Selain itu, kajian ini juga akan dapat membantu guru memahami masalah penggunaan akhiran *-i* dan *-kan* yang tidak tepat dan yang sering dilakukan oleh para pelajar. Menurut J.S. Badudu ( 1987 ), sering kita lihat akhiran *-i* dan *-kan* dihilangkan. Mungkin bentuk seperti itu dipengaruhi bahasa daerah atau dialek setempat. Pelajar mengetahui adanya akhiran *-i* dan *-kan* tetapi tidak mengetahui apakah makna yang didukung oleh akhiran tersebut. Justeru, maklumat tersebut akan membantu guru-guru berusaha mengatasi kelemahan tersebut dalam kalangan para pelajar.

Kepada ibu bapa yang sedar akan kepentingan pelajaran khususnya dalam aspek ketepatan berbahasa, kajian ini mungkin sedikit banyak dapat dijadikan panduan dalam mengawasi anak-anak mereka di rumah berhubung dengan bahasa dan pelajaran.

## 1.5 Batasan Kajian

Kajian ini hanya dibataskan kepada penggunaan imbuhan *-i* dan *-kan* sahaja. Kajian terhadap imbuhan ini akan dilakukan berdasarkan novel Perlumbaan Kedua dan Julia yang digunakan oleh pelajar-pelajar tingkatan 4 dan pelajar tingkatan 5 dalam KOMSAS. Pelajar-pelajar tingkatan 4 di negeri Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis mengkaji novel Perlumbaan Kedua, manakala pelajar tingkatan lima pula mengkaji novel Julia.

Pelajar-pelajar dikehendaki mengkaji novel ini kerana soalan berdasarkan novel ini membawa 15 markah dalam kertas 2 Sijil Pelajaran Malaysia. Selain itu, novel merupakan cetusan fikiran masyarakat. Pengarang cuba untuk menyelami fikiran masyarakat melalui dialog-dialog yang diucapkan oleh watak-watak dalam novel ini. Oleh yang demikian, kedua-dua novel ini dirasakan sesuai untuk dikaji kerana digunakan oleh pelajar. Pengkaji juga akan dapat mencari kesalahan-kesalahan yang terdapat dalam penggunaan imbuhan *-i* dan *-kan* berasarkan novel yang dikaji. Selain itu, novel ini banyak menggunakan imbuhan *-i* dan *-kan*.

Kekeliruan penggunaan imbuhan *-i* dan *-kan* adalah disebabkan pengguna bahasa Melayu tidak mengetahui fungsi imbuhan *-i* dan *-kan* atau pengguna sengaja meninggalkan imbuhan ini dalam ayat atau ketika bertutur. Ayat di bawah merupakan contoh penggunaan imbuhan *-i* dan *-kan* yang ditinggalkan oleh pengguna secara disedari atau tanpa disedari.

- a. Perangainya yang baik itu akan saya contoh.
- b. Tolong padam lampu itu.

- c. Tidak harus awak belakang orang tua sendiri.
- d. Murid-murid menaik bendera sekolah.
- e. Ibu membelikan baju untuk anaknya.
- f. Perkara itu mesti kamu halus

Berdasarkan contoh ayat di atas perkataan yang telah digaris adalah kata kerja yang salah penggunaannya. Penyelidik akan cuba mencari penggunaan imbuhan yang ditinggalkan atau kekeliruan dalam penggunaan imbuhan *-i* dan *-kan*. Penggunaan yang betul dalam ayat di atas adalah seperti berikut:

- a. Perangainya yang baik itu akan saya contohi.
- b. Tolong padamkan lampu itu.
- c. Tidak harus awak belakangi orang tua sendiri.
- d. Murid-murid menaikkan bendera sekolah.

- e. Ibu membelikan anaknya baju.
- f. Perkara itu mesti kamu halusi.

## 1.6 Definisi Operasional

Di bawah ini dijelaskan definisi beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini dan sinopsis novel Perlumbaan Kedua dan Julia untuk menjelaskan lagi maksud kajian ini.

### 1.6.1 Novel

Yang dimaksudkan dengan novel dalam kajian ini ialah 2 buah novel yang digunakan untuk mata pelajaran KOMSAS tingkatan lima, iaitu novel Julia dan Perlumbaan Kedua. Perkataan novel berasal daripada kata novella yang bermaksud "perkhabaran baru". Novel

ialah kisah rekaan yang ditulis dalam bentuk prosa dan penulisannya adalah berdasarkan pengalaman hidup manusia dan daya imaginasi pengarang. Sebagai bentuk cereka, novel ialah pengisahan peristiwa-peristiwa yang benar-benar berlaku dalam masyarakat atau yang dikhayalkan oleh pengarang.

## 1.7 Kesimpulan

Kajian ini dirasakan sangat perlu supaya pelajar dapat membezakan penggunaan bahasa dalam karya ilmiah dan karya kreatif. Pelajar perlu mengetahui bahawa karya kreatif mempunyai kelonggaran dalam penggunaan bahasa. Keadaan ini berlaku kerana karya kreatif mementingkan keindahan bahasa dan maksud yang ingin disampaikan. Guru-guru pula diharapkan dapat memilih bahan pengajaran yang sesuai daripada teks sastera. Guru juga diharapkan dapat menjelaskan kepada pelajar sekiranya terdapat penyimpangan dalam penggunaan bahasa berdasarkan teks sastera.

Kajian ini juga dirasakan perlu kerana rata-rata pelajar secara amnya masih lemah dan tidak menguasai penggunaan akhiran *-i* dan *-kan* yang membentuk kata kerja. Walaupun telah belajar selama tiga tahun ketika dalam menengah rendah. Akhiran *-i* dan *-kan* merupakan imbuhan yang agak sukar jika dibandingkan dengan imbuhan yang lain. Pelajar sering melanggar fungsi imbuhan tersebut tanpa disedari kerana ketidakpekaan pelajar terhadap fungsi imbuhan tersebut. Sekiranya kelemahan penguasaan *-i* dan *-kan* ini tidak diatasi, kelemahan para pelajar ini akan dibawa hingga ke peringkat yang lebih tinggi.



Oleh yang demikian kajian ini diharapkan akan dapat mengesan punca kelemahan pelajar menguasai imbuhan *-i* dan *-kan* serta cara-cara yang berkesan untuk mengatasi kelemahan ini. Guru-guru juga diharapkan dapat menyampaikan pengajaran dengan baik dan meningkatkan tahap penguasaan akhiran *-i* dan *-kan*.

